

20/03/2003

Nik Aziz bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa rakyat Amerika Syarikat perlu bangun menentang Presiden George W Bush yang berkeras mahu melancarkan perang ke atas Iraq.

Katanya, istilah 'mabuk darah' amat bertepatan dengan sikap Bush yang tidak menghiraukan tentangan seluruh dunia dan berkeras mahu menyerang Iraq dalam tempoh 48 jam bermula kelmarin.

"Saya setuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa rakyat Amerika mesti bangkit melawan kerajaan mereka sama seperti ketika perang Vietnam dulu.

"Mudah-mudahan tentangan itu akan membuka hati Bush supaya lembut sikit. Rakyat Amerika ada hak menentang kerana yang mati pergi perang di Iraq adalah anak mereka, bukannya anak Bush," katanya kepada pemberita di Kota Darul Naim, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir dilaporkan berkata satu cara yang boleh dilakukan ialah dengan mempengaruhi rakyat Amerika sendiri yang sebahagian daripadanya menolak peperangan.

Katanya, langkah itu boleh dilakukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan menggunakan rangkaian atau rakan mereka di Amerika supaya mendesak kerajaannya tidak menyerang Iraq.

Dalam perkembangan lain, Nik Abdul Aziz berkata, penggerak NGO yang melancarkan kempen 'Satu Suami Satu Isteri' baru-baru ini sepatutnya memberi tumpuan terhadap isu lebih meruncing seperti gejala dadah dan masalah rogol.

"Lebih baiklah NGO wanita terbabit menggunakan akal fikiran secara lebih realistik seperti masalah antidadah, mengurangkan kes rogol atau samun yang semakin berleluasa.

"Poligami ni tak boleh nak buat apa atau nak diubah kerana semuanya ada dalam al-Quran. Islam benarkan lelaki berpoligami dengan syarat mereka adil dan mempunyai kemampuan.

"Bilangan wanita di dunia sekarang sudah melebihi lelaki, termasuk di Kelantan dan Islam sudah menetapkan bahawa antara hikmat poligami ialah bagi memberi peluang wanita tidak bersuami berkongsi.

"Islam membolehkan poligami, bukan wajib... nak sekat macam mana? Boleh poligami pun bersyarat, bukannya boleh sewenang-wenangnya," katanya.